

MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA

KES NO : 15/4-339/01

DI ANTARA

ELECTRONIC SYSTEMS (MALAYSIA) SDN. BHD.

DAN

AZIZAN BIN MOHAMAD

AWARD NO : 1569 TAHUN 2004

Di Hadapan : **N. RAJASEGARAN - PENERUS**
(Bersidang berseorangan)

Tempat : Mahkamah Perusahaan Malaysia,
Kuala Lumpur.

Tarikh Rujukan : 7.3.2001.

Tarikh Sebutan : 25.5.2001, 18.10.2001, 5.11.2001,
1.4.2002, 1.4.2003 dan 12.9.2003.

Tarikh Perbicaraan : 10.5.2004, 11.5.2004, 8.9.2004,
9.9.2004 dan 12.10.2004.

Perwakilan : Encik Brian Jit Singh
daripada Tetuan Shook Lin & Bok
mewakili Syarikat.

Encik A. Sivananthan
daripada Kongres Kesatuan Sekerja
Malaysia (MTUC) mewakili Yang
Menuntut.

Rujukan :

Ini adalah satu rujukan yang dibuat di bawah Seksyen 20(3) Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 berkaitan dengan pembuangan kerja **Azizan bin Mohamad** (yang selepas ini disebut sebagai "Yang Menuntut") oleh **Electronic Systems (Malaysia) Sdn. Bhd.** (yang selepas ini disebut sebagai "Syarikat").

KEPUTUSAN

1. Pembuangan kerja Yang Menuntut oleh Syarikat pada 6.8.1998 telah dirujuk melalui surat bertarikh 7.3.2001 kepada Mahkamah Perusahaan di bawah Seksyen 20(3) Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 oleh Y.B. Menteri Sumber Manusia untuk satu keputusan di mana surat telah diterima oleh Mahkamah pada 10.4.2001.

2. Daripada tarikh rujukan ini diterima oleh Mahkamah, kes ini telah disebutkan enam kali. Tarikh-tarikh perbicaraan juga telah dilapangkan beberapa kali disebabkan oleh perkara-perkara yang tidak dapat dielakkan. Akhirnya pada sebutan yang keenam yang dipanggil pada 12.9.2003, perbicaraan telah ditetapkan pada 10 dan 11.5.2004.

3. Apabila Mahkamah bersidang pada 10.5.2004, Encik A. Sivananthan, wakil bijaksana yang mewakili Yang Menuntut telah menimbulkan satu bantahan atas bidang kuasa Mahkamah berhubung dengan perlantikan Pengerusi. Selepas mendengar hujjahan daripada kedua-dua pihak, Mahkamah telah pada hari itu juga membuat keputusan lisan menolak bantahan tersebut dan selepas itu satu keputusan, Award No. 752 tahun 2004 bertarikh 1.7.2004 telah diturunkan.

4. Perbicaraan untuk 11.5.2004 telah dilapangkan atas permohonan Yang Menuntut dan perbicaraan seterusnya ditetapkan pada 8 dan 9.9.2004. Mahkamah telah meneruskan perbicaraan pada 8.9.2004 tetapi atas permohonan Yang Menuntut perbicaraan untuk 9.9.2004 telah dilapangkan dan perbicaraan telah ditetapkan untuk 12.10.2004.

5. Apabila Mahkamah bersidang pada 12.10.2004 Encik Brian Jit Singh, peguam bijaksana mewakili Syarikat telah memaklumkan

bahawa kedua-dua pihak telah berjaya menyelesaikan kes ini secara damai dengan terma-terma seperti berikut:

- “a) Company agrees to pay a sum of RM14,000 on or before 31.10.2004 to the Claimant through his representative.
- b) The Company pays the said sum and the Claimant receives the same with both parties not admitting any liability.
- c) The Claimant in consideration of the receipt of the said sum declares that this constitutes a full and final settlement of all claims arising from his employment with the Company and hereby declares he has no further claim of any sort against the Company. ”

6. Encik A. Sivananthan telah mengesahkan penyelesaian atas terma-terma yang dinyatakan oleh Encik Brian Jit Singh.

7. Mahkamah mengucapkan tahniah kepada kedua-dua pihak di atas kejayaan mencapai penyelesaian secara damai dan di atas permohonan kedua-dua pihak Mahkamah pada hari itu telah menurunkan satu keputusan secara persetujuan berdasarkan terma-terma yang dinyatakan diperenggan 5 di atas

BERTARIKH 1 NOVEMBER 2004.

**(N. RAJASEGARAN)
PENGERUSI
MAHKAMAH PERUSAHAAN, MALAYSIA
KUALA LUMPUR**